



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KARNIVAL BACA PERDANA 2024 MEDIUM PEMBINAAN MASYARAKAT MADANI

KUALA LUMPUR, 4 Oktober 2024 – Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Baca Perdana 2024 hari ini di Pusat Beli Belah MyTown, Kuala Lumpur. Program anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) diadakan bertujuan untuk mempromosikan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyatukan komuniti Malaysia dalam sebuah karnival yang bukan sahaja memberikan fokus pada pembudayaan membaca tetapi juga mengandungi elemen perpaduan dan semangat komuniti.

Tema “Perpaduan dalam Pembacaan” dipilih untuk karnival ini di mana buku dan bahan bacaan menjadi jambatan yang menghubungkan individu, memupuk perpaduan dan toleransi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata “Karnival Baca Perdana ini bukan sahaja merupakan satu perayaan ilmu, tetapi juga satu platform yang efektif untuk mendekatkan buku dan ilmu kepada masyarakat.” Sepanjang tempoh Karnival Baca Perdana 2024 ini dilaksanakan, PNM telah merancang lebih 20 program yang menarik dan meliputi segenap lapisan masyarakat yang pastinya memberi pengalaman sekaligus menambah ilmu pembacaan.

Antara program utama adalah *Bicara Intelektual 2024: Demi Masa Depan Kita Bersama*, *Sesi Lensa Sastera: Idea Tular Penulisan Popular*, *Sesi Booktubers & Bookstagrammers: Bicara Penulisan Buku Melalui Media Sosial*, *Forum Membaca Perdana: Simfoni Perpaduan Melalui Pembacaan*, *Sesi Bacaan Kegemaran Saya*, *Podcast Borak Pustakawan: Memoirs Dari Rak – Cerita Pustakawan*, *Minggu Literasi Maklumat*, *Singgah Santai@PNM 2024* dan *Technology Talk Convergence: Metaconnect Pioneering The Infinite Library Experience*.

Kementerian melalui PNM telah melaksanakan beberapa siri Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia bagi melihat kadar pembacaan dan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui kajian tersebut didapati, rakyat Malaysia membaca sekurang-kurangnya 2 naskhah (tahun 2005), 15 naskhah (tahun 2014) dan terkini adalah 24 naskhah (tahun 2023). Merujuk kepada Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023, didapati bahawa 69.9% rakyat Malaysia membaca untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang mengumumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara akan meneliti dan melaksanakan beberapa cadangan yang telah dikemukakan melalui Kajian Profil Membaca 2022/2023. Antara dua cadangan utama tersebut adalah mewujudkan Indeks Membaca Kebangsaan (IMK) untuk memantau tahap membaca rakyat Malaysia secara menyeluruh mulai 2025-2030; serta Program Penebusan Baucar Buku diadakan kembali bagi merancakkan minat serta budaya membaca rakyat Malaysia.

Beliau turut memaklumkan PNM akan melaksanakan lebih banyak program berbentuk aktiviti sosial menjelang tahun 2025 dengan menasaskan penyertaan masyarakat dari pelbagai latar belakang dalam konteks Malaysia MADANI. Selain itu, Kementerian juga akan melantik Tokoh Pembaca Kebangsaan mulai tahun hadapan. Diharapkan penganjuran program ini menjadi platform yang berkesan untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Seterusnya, bertindak sebagai medium menyatupadukan masyarakat serta dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembacaan dan memupuk semangat cintakan ilmu.

Kementerian Perpaduan Negara

4 Oktober 2024